



2 Oktober 2023
2 October 2023
P.U. (A) 296

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN
(PENANDAAN KUANTITI BAGI BARANG-BARANG
TERSEDIA BUNGKUS) 2023

*TRADE DESCRIPTIONS
(MARKING OF QUANTITY FOR PRE-PACKAGED GOODS)
ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN
(PENANDAAN KUANTITI BAGI BARANG-BARANG TERSEDIA BUNGKUS) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(b) dan subperenggan 56(b)(i) Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Kuantiti bagi Barang-Barang Tersedia Bungkus) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 4 Jun 2024.

Pemakaian

2. (1) Perintah ini hendaklah terpakai bagi semua barang-barang tersedia bungkus yang dibungkus, dikilangkan atau dikeluarkan di dalam Malaysia atau yang diimport ke dalam Malaysia.

(2) Perintah ini tidak terpakai bagi barang-barang tersedia bungkus yang dibungkus, dikilangkan atau dikeluarkan bagi maksud dieksport ke luar Malaysia.

Tafsiran

3. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“berat bersih” ertinya berat keseluruhan barang-barang pepejal dan medium cecair dalam bungkusan;

“berat tos” ertinya berat barang-barang pepejal yang terdapat dalam medium cecair yang terkandung dalam bungkusan;

"bungkusan" ertinya apa-apa benda yang di dalamnya atau dengannya barang-barang yang secara keseluruhannya atau sebahagiannya dikotak, dibalut, ditutup, diisi atau diletakkan atau selainnya dipekkan dengan apa jua cara.

"had selisih yang dibenarkan" ertinya kekurangan pada kuantiti barang-barang yang dibenarkan dalam sesuatu bungkusan;

"ketidakpatuhan bungkusan" ertinya barang-barang tersedia bungkus yang mempunyai ralat negatif yang lebih besar daripada had selisih yang dibenarkan;

"kuantiti nominal" ertinya kuantiti yang diisytiharkan oleh pengilang, pengimport, pengeluar atau pemborong bagi barang-barang tersedia bungkus tidak termasuk bungkusan dan apa-apa jua bahan lain yang dibungkus bersama dengan barang itu;

"kuantiti sebenar" ertinya kuantiti bersih bagi barang-barang tersedia bungkus selepas pemeriksaan dibuat oleh Penolong Pengawal menurut Perintah ini ke atas barang-barang tersedia bungkus yang telah ditandakan mengikut Perintah ini;

"pemborong" ertinya mana-mana orang yang terlibat dalam apa-apa perniagaan borong dan membungkus semula apa-apa barang-barang tersedia bungkus dan mengedarkan barang-barang tersedia bungkus itu untuk tujuan perdagangan;

"pengeluar" ertinya mana-mana orang yang terlibat dalam pengeluaran apa-apa barang-barang tersedia bungkus dan mengedarkan barang-barang tersedia bungkus untuk tujuan perdagangan;

"pengilang" ertinya mana-mana orang yang mengilang dan termasuk mana-mana orang yang membungkus semula apa-apa barang untuk tujuan perdagangan;

"pengimport" termasuklah mana-mana orang yang, sama ada sebagai pemilik, penerima barang, ejen atau broker yang dalam milikannya, atau yang berhak kepada jagaan atau kawalan barang yang diimport bagi barang-barang tersedia bungkus; dan

"sampel" ertinya barang-barang tersedia bungkus yang diambil daripada lot yang diperiksa dan digunakan untuk memberikan maklumat yang akan menjadi asas bagi keputusan mengenai pematuhan lot yang diperiksa.

Perisytiharan kuantiti bagi barang-barang tersedia bungkus

4. Pemborong, pengilang, pengimport atau pengeluar hendaklah mengisytiharkan kuantiti barang-barang tersedia bungkus dalam sesuatu bungkusan, dalam apa jua bentuk, mengikut ukuran yang berikut:

- (a) luas dalam nilai dua dimensi barang-barang itu;
- (b) bilangan barang-barang yang terkandung dalam bungkusan berdasarkan kiraan sebenar;
- (c) panjang barang-barang itu dari suatu hujung ke suatu hujung;
- (d) berat barang-barang itu daripada lima gram hingga lima puluh kilogram; dan
- (e) isi padu barang-barang itu daripada lima mililiter hingga lima puluh liter.

Penandaan kuantiti bagi barang-barang tersedia bungkus

5. (1) Pemborong, pengilang, pengimport, atau pengeluar hendaklah memastikan semua barang-barang tersedia bungkus yang diisytiharkan di bawah perenggan 4 ditandakan dengan—

- (a) kuantiti nominal sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama; dan
- (b) penunjuk kuantiti yang ditetapkan bagi bilangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (1), apa-apa barang tersedia bungkus yang mengandungi barang-barang pepejal dalam medium cecair, barang-barang itu hendaklah ditandakan dengan berat bersih dan berat tosnya dalam keadaan yang berikut:

- (a) apabila medium cecair dimaksudkan untuk ditinggalkan selepas digunakan, berat bersih dan berat tosnya hendaklah diisytiharkan;
- (b) apabila medium cecair tidak dimaksudkan untuk ditinggalkan selepas digunakan, berat bersih hendaklah diisytiharkan; dan
- (c) apabila medium cecair mungkin atau tidak mungkin ditinggalkan, berat bersih dan berat tosnya hendaklah diisytiharkan.

Penandaan yang boleh dibaca dsb.

6. Penandaan yang disebut dalam perenggan 5 hendaklah—

- (a) boleh dibaca;
- (b) sekiranya barang-barang tersedia bungkus itu berasal dari Malaysia, menggunakan perkataan yang jelas dalam bahasa kebangsaan atau bahasa kebangsaan dan mana-mana bahasa lain;
- (c) sekiranya barang-barang tersedia bungkus itu berasal dari luar Malaysia, menggunakan perkataan yang jelas dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris;
- (d) dicap atau dicetak dalam warna yang memberikan perbezaan yang jelas dengan warna latar belakang barang-barang tersedia bungkus itu; dan
- (e) mempunyai ketinggian minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Had selisih yang dibenarkan

7. (1) Nilai purata kuantiti sebenar yang ditentukan dalam sampel barang-barang tersedia bungkus yang diperiksa hendaklah tidak boleh kurang daripada kuantiti nominal.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), apa-apa barang tersedia bungkus yang diisytiharkan dalam berat atau isi padu hendaklah mematuhi keperluan yang berikut:

(a) bilangan barang-barang tersedia bungkus yang mempunyai ralat negatif lebih besar daripada had selisih yang dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah sebagaimana yang dibenarkan dalam Bahagian I Jadual Keempat; dan

(b) tiada barang-barang tersedia bungkus yang boleh mempunyai ralat negatif dua kali lebih besar daripada had selisih yang dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Dalam hal berat tos, barang-barang tersedia bungkus tidak boleh mempunyai ralat negatif melebihi dua kali lebih besar daripada had selisih yang dibenarkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(4) Dalam hal barang-barang tersedia bungkus—

(a) yang diisytiharkan dalam panjang, had selisih yang dibenarkan hendaklah dua peratus daripada kuantiti nominal bagi setiap bungkusan; dan

(b) yang diisytiharkan dalam luas, had selisih yang dibenarkan hendaklah tiga peratus daripada kuantiti nominal bagi setiap bungkusan.

(5) Apa-apa barang tersedia bungkus yang diisytiharkan dalam bilangan hendaklah mematuhi keperluan yang berikut:

- (a) bagi bilangan sehingga lima puluh, kuantiti sebenar tidak boleh kurang daripada kuantiti nominal; dan
- (b) bagi bilangan yang melebihi daripada lima puluh, kuantiti sebenar tidak boleh kurang secara purata daripada kuantiti nominal dan kesilapan negatif adalah satu keping bagi setiap permulaan seratus.

Ketidapatuhan bungkusan yang dibenarkan daripada sampel yang diambil untuk ujian

8. (1) Bagi maksud Perintah ini, mana-mana ketidapatuhan bungkusan daripada sampel yang diambil untuk ujian boleh dibenarkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Keempat.

(2) Penolong Pengawal boleh menjalankan ujian terhadap sampel yang dikumpulkan dengan mana-mana atau semua kaedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

Kesalahan

9. Mana-mana pemborong, pengeluar, pengilang atau pengimport yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a) jika pemborong, pengeluar, pengilang atau pengimport itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit; atau
- (b) jika pemborong, pengeluar, pengilang atau pengimport itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau

kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Pembatalan

10. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Barang-Barang Tersedia Bungkus) 2023 [*P.U. (A) 197/2023*] dibatalkan.

Kecualian

11. Pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Perintah yang dibatalkan yang belum selesai di bawah Perintah yang dibatalkan boleh diteruskan seolah-olah Perintah yang dibatalkan masih berkuat kuasa.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 5(1)]

Bahagian I

KUANTITI NOMINAL DALAM UNIT

Kuantiti	Simbol Unit	Nama Unit
Luas ...	m ² ... cm ²	meter persegi sentimeter persegi
Panjang...	m ... cm mm	meter sentimeter milimeter
Berat ...	kg ... g	kilogram gram
Isi padu...	l ... ml	liter mililiter

Bahagian II

PENUNJUK KUANTITI BAGI BILANGAN

Apa-apa penandaan yang menunjukkan kuantiti dalam bungkusan hendaklah dinyatakan dalam nombor.

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 6(e)]

SAIZ MINIMUM BAGI HURUF DAN NOMBOR

Kuantiti Nominal		Tinggi minimum bagi huruf dan nombor dalam mm
Dalam berat (g) atau isi padu (ml)	sehingga 50	2
	lebih dari 50 hingga 200	3
	lebih dari 200 hingga 1000	4
	lebih dari 1000	6
Dalam bilangan, panjang dan luas	-	2

JADUAL KETIGA
[Subperenggan 7(2) dan 7(3)]

HAD SELISIH YANG DIBENARKAN BAGI BERAT DAN ISI PADU

Kuantiti Nominal (Q_n) (dalam g bagi berat atau ml bagi isi padu)		Had Selisih yang dibenarkan (T)	
Dari	Hingga	Sebagai % Q_n	g atau ml
5	50	9.0	—
50	100	—	4.5
100	200	4.5	—
200	300	—	9.0
300	500	3.0	—
500	1,000	—	15.0
1,000	10,000	1.5	
10,000	15,000		150
15,000	50,000	1	

Nilai had selisih yang dibenarkan dalam peratus sebagaimana ditunjukkan dalam jadual, dikira dalam unit berat atau isi padu, hendaklah masing-masing dibundarkan kepada satu persepuluh gram atau mililiter yang terdekat.

JADUAL KEEMPAT
[Subperenggan 7(2), 8(1) dan 8(2)]

Bahagian I

Pelan pensampelan bagi bungkusan dengan kuantiti nominal yang dinyatakan dalam unit berat dan isi padu:

A. Pelan Pensampelan Normal:

Saiz lot (L)	Saiz sampel (n)	Bilangan ketidakpatuhan bungkusan yang dibenarkan (c)	K Faktor (k)
kurang daripada 100	semua saiz lot	2.5 peratus daripada saiz lot	NIL
100 hingga 500	50	3	0.379
501 hingga 3200	80	5	0.295
Lebih 3200	125	7	0.234

B. Formula untuk menentukan ketidakpatuhan bungkusan

$$\bar{x}_0 = \bar{x}_i + ks$$

(s adalah sisihan piawai x_i)

\bar{x}_0 ertinya min yang dibetulkan

\bar{x}_i ertinya nilai purata bagi X_i

x_i ertinya nilai yang diperiksa

C. Ujian Pemusnahan

Saiz lot (L)	Saiz sampel (n)	Bilangan ketidakpatuhan bungkusan yang dibenarkan (c)
sama atau lebih dari 100	20	1

Saiz sampel (n) yang diperlukan bagi melaksanakan ujian secara pemusnahan bagi saiz lot bungkusan bagi 100 atau lebih ialah sebanyak 20 bungkusan.

Bahagian II

Pelan pensampelan bagi bungkusan yang kuantiti nominalnya dinyatakan dalam unit panjang, luas dan bilangan.

Saiz lot (L)	Saiz Sampel (n)	Bilangan ketidakpatuhan bungkusan yang dibenarkan (c)
26 hingga 50	3	0
51 hingga 150	5	0
151 hingga 500	8	1
501 hingga 3200	13	1
Lebih dari 3201	20	1

Dibuat 21 September 2023
[KPDN(PUU)(PU2)26/5/5; PN(PU2)120/JLD. 10]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

TRADE DESCRIPTIONS ACT 2011

TRADE DESCRIPTIONS (MARKING OF QUANTITY FOR PRE-PACKAGED GOODS)
ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 29(1)(b) and subparagraph 56(b)(i) of the Trade Descriptions Act 2011 [*Act 730*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Trade Descriptions (Marking of Quantity for Pre-Packaged Goods) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 4 June 2024.

Application

2. (1) This Order shall apply to all pre-packaged goods which are packaged, manufactured or produced in Malaysia or which are imported into Malaysia.

(2) This Order shall not apply to pre-packaged goods which are packaged, manufactured or produced for the purpose of export outside Malaysia.

Interpretation

3. In this Order, unless the context otherwise requires—

“nett weight” means the total weight of solid goods and liquid medium in a package;

“drained weight” means the weight of solid goods contained in liquid medium contained in a package;

“package” means anything in which or by which goods is wholly or partly cased, covered, closed, contained or placed or otherwise packed in any way whatsoever;

“tolerable deficiency” means the deficit in the quantity of goods acceptable in a package;

“non-conforming package” means the pre-packaged goods that has a negative error greater than the tolerable deficiency;

“nominal quantity” means the quantity declared by manufacturer, importer, producer or wholesaler of the pre-packaged goods not including the package and any other material packed along with the goods;

“actual quantity” means the nett quantity of a pre-packaged goods after inspection is made by the Assistant Controller pursuant to this Order on the marked pre-packaged goods in accordance with this Order;

“wholesaler” means any person who is engaged in any wholesale business and repack any pre-packaged goods and distributes the pre-packaged goods for the purpose of trade;

“producer” means any person who is engaged in producing any pre-packaged goods and distributes pre-packaged goods for the purpose of trade;

“manufacturer” means any person who manufactures and includes any person who repacks any goods for the purpose of trade;

“importer” includes any person who, whether as owner, consignee, agents or broker which is in his possession, or who is entitled to the custody or control of the imported goods for pre-packaged goods; and

“sample” means the pre-packaged goods taken from an inspected lot and used to provide information that will be the basis for decisions with respect to the conformance of the inspected lot.

Declaration of quantity for pre-packaged goods

4. The wholesaler, manufacturer, importer or producer shall declare the quantity of pre-package goods in a package, in whatever form, according to the following measurements:

- (a) area in two dimensional figure of the goods;
- (b) number of the goods in the package based on the actual count;
- (c) length of the goods from end to end;
- (d) weight of the goods from five grammes to fifty kilogrammes; and
- (e) volume of the goods from five millilitres to fifty litres.

Marking of quantity for pre-packaged goods

5. (1) The wholesaler, manufacturer, importer, or producer shall ensure all declared pre-packaged goods under paragraph 4 have been marked with—

- (a) nominal quantity as specified in Part I of the First Schedule; and
- (b) specified quantity indicator for count as specified in Part II of the First Schedule.

(2) Subject to subparagraph (1), any pre-packaged goods which contains solid goods in liquid medium, the goods shall be marked with nett weight and drained weight in the following circumstances:

- (a) where the liquid medium is meant to be left over after use, the nett weight and the drained weight shall be declared;

- (b)* where the liquid medium is not meant to be left over after use, the nett weight shall be declared; and
- (c)* where the liquid medium might or might not be left over, the nett weight and the drained weight shall be declared.

Mark to be legible etc.

6. The marking referred to in paragraph 5 shall—

- (a)* be legible;
- (b)* where the pre-packaged goods originated from Malaysia, use clear words in the national language or national language and any other language;
- (c)* where the pre-package goods originated outside Malaysia, use clear words in the national language or English language;
- (d)* be stamped or printed in colour which makes clear difference with the background colour of the pre-packaged goods; and
- (e)* have a minimum height as specified in the Second Schedule.

Tolerable deficiency

7. (1) The average value of the actual quantity determined in the sample of pre-packaged goods inspected shall not be less than the nominal quantity.

(2) Notwithstanding subparagraph (1), any pre-packaged goods declared in weight or volume shall comply with the following requirements:

- (a)* the number of pre-packaged goods having a negative error greater than the tolerable deficiency as specified in the Third Schedule shall be as allowed in Part I of the Fourth Schedule; and

(b) no pre-packaged goods shall have a negative error greater than twice the tolerable deficiency as specified in the Third Schedule.

(3) In the case of drained weight, the pre-packaged goods shall not have a negative error greater than twice the tolerable deficiency as specified in the Third Schedule.

(4) In the case of pre-packaged goods—

(a) declared in length, the tolerable deficiency allowed shall be two percent of the nominal quantity for each package; and

(b) declared in area, the tolerable deficiency allowed shall be three percent of the nominal quantity for each package.

(5) Any pre-packaged goods declared in counts shall comply with the following requirements:

(a) for the counts up to fifty, the actual quantity shall not be less than the nominal quantity; and

(b) for the counts which is more than fifty, the actual quantity shall not be less on average of the nominal quantity and the negative error is one piece for each of the beginning hundred.

Non-conforming packages allowed from sample taken for testing

8. (1) For the purposes of this Order, any non-confirming packages from sample taken for testing may be allowed as provided in the Fourth Schedule.

(2) The Assistant Controller may conduct tests on the sample collected with any or all method as specified in the Fourth Schedule.

Offence

9. Any wholesaler, producer, manufacturer or importer who contravenes any provision of this Order commits an offence and shall, on conviction, be liable—

(a) if such wholesaler, producer, manufacturer or importer is a body corporate, to a fine not exceeding two hundred thousand ringgit, and for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding five hundred thousand ringgit; or

(b) if such wholesaler, producer, manufacturer or importer is not a body corporate, to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both, and for a second or subsequent offence, to a fine not exceeding two hundred fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

Revocation

10. Trade Descriptions (Marking of Pre-Packaged Goods) Order 2023 [P.U. (A) 197/2023] is revoked.

Savings

11. On the date of coming into operation of this Order, any investigation, prosecution or proceedings in respect of any offence under the revoked Order pending under the revoked Order may be continued as if the revoked Order is still in force.

FIRST SCHEDULE
[Subparagraph 5(1)]

Part I

NOMINAL QUANTITY IN UNIT

Quantity	Unit Symbols	Name of Units
Area ...	m ² ... cm ²	square metre square centimetre
Length...	m ... cm mm	metre centimetre millimetre
Weight...	kg ... g	kilogramme gramme
Volume...	l ... ml	litre millilitre

Part II

QUANTITY INDICATION BY COUNT

Any marking that indicates the quantity in the package shall be expressed in numbers.

SECOND SCHEDULE

[Subparagraph 6(e)]

MINIMUM SIZE OF LETTERS AND NUMBERS

Nominal Quantity		Minimum height of letters and numbers in mm
In weight (g) or volume (ml)	up to 50	2
	more than 50 to 200	3
	more than 200 to 1000	4
	more than 1000	6
In count, length and area	-	2

THIRD SCHEDULE
[Subparagraphs 7(2) and 7(3)]

TOLERABLE DEFICIENCY FOR WEIGHTS AND VOLUME

Nominal Quantity (Q_n) (in g for weight or ml for volume)		Tolerable Deficiency (T)	
From	To	As % of Q_n	g or ml
5	50	9.0	—
50	100	—	4.5
100	200	4.5	—
200	300	—	9.0
300	500	3.0	—
500	1,000	—	15.0
1,000	10,000	1.5	—
10,000	15,000	—	150
15,000	50,000	1	—

The values of the tolerable deficiency allowed in percentage as shown in the table, calculated in units of weight or volume, shall be rounded up to the nearest one-tenth of grammes or millilitres respectively.

FOURTH SCHEDULE
[Subparagraphs 7(2), 8(1) and 8(2)]

Part I

Sampling plan for packages with nominal quantity expressed in units of weight and volume:

A. Normal Sampling Plan:

Lot size (L)	Sample size (n)	Number of non-conforming packages allowed (c)	K factor (k)
less than 100	all lot size	2.5 percent of lot size	NIL
100 to 500	50	3	0.379
501 to 3200	80	5	0.295
More than 3200	125	7	0.234

B. Formula to determine non-conforming packages

$$\bar{x}_0 = \bar{x}_i + ks$$

(s is the standard deviation of x_i)

\bar{x}_0 means the corrected mean

\bar{x}_i means the average value of X_i

x_i means tested values

C. Destructive Test

Lot size (L)	Sample size (n)	Number of non-conforming packages allowed (c)
equal or more than 100	20	1

Sample size (n) required to perform the destructive tests for a lot size of 100 or more packages are 20 packages.

Part II

Sampling plan for packages with nominal quantity expressed in units of length, area and count.

Lot size (L)	Sample size (n)	Number of non-conforming packages allowed (c)
26 to 50	3	0
51 to 150	5	0
151 to 500	8	1
501 to 3200	13	1
More than 3201	20	1

Made 21 September 2023

[KPDN(PUU)(PU2)26/5/5; PN(PU2)120/JLD. 10]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Minister of Domestic Trade and Cost of Living